



Orang ramai mencari etak di dasar sungai Kampung Hujung Tanjung, Pulau Duyong.

(Foto Malik Muhammad/BH)



Mohd Roma menunjukkan etak yang dikaut.

Pesta cari etak di Pulau Duyong

BH 24/8/2023 ms: 24

**Paras air
cetek buka
rezeki berganda
kepada penduduk**

Oleh Malik Muhammad
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Paras air sungai yang cetek sehingga paras lutut di sekitar Pulau Duyong, dekat sini, memberi rezeki berganda kepada penduduk untuk mencari etak.

Kemunculan luar biasa banyak hidupan air ini dengan nama saintifiknya, *Corbicula fluminea* itu menyaksikan ratusan penduduk membanjiri kawasan berkenaan pada setiap hari di situ.

Tinjauan di Kampung Hujung Tanjung mendapati kawasan berkenaan bagaikan pesta sejak tiga minggu lalu yang bukan sahaja dikunjungi penduduk setempat, malah juga di luar daerah berkenaan.

Lebih menarik, pelbagai kaedah digunakan penduduk termasuk menggunakan penutup kipas, bakul basikal dan alat yang direka khas bagi mengaut etak dari dasar sungai berkenaan.

Seorang penduduk di pulau itu, Mohd Roma Ali, 52 berkata, dia teruja kerana mampu mengaut etak dengan jumlah yang lebih banyak pada bulan ini berbanding sebelumnya.

Pekerjaan utama

Malah, dia yang menjadikan mencari etak itu sebagai pekerjaan utamanya kini mampu mengaut hasil sehingga 50 kilogram (kg) sehari sebelum dijual kepada penduduk setempat dan penggemar.

"Etak ini sentiasa ada di dasar sungai Kampung Hujung Tanjung ini, tapi bermula akhir Julai hingga bulan kemerdekaan

ini ia semakin luar biasa banyak.

"Kebiasaan saya dapat antara 20 kg sehari selama dua jam mencari pada bulan lain. Tapi pada kali ini etak semakin banyak, saya mampu mengaut lebih 50 kg sehari selama dua jam bermula jam 5 petang.

"Air sungai yang surut antara faktor yang membantu kami mendapat lebih banyak etak. Saya membuat sendiri alat untuk mengaut.

"Sebaik naik ke darat, isteri saya, Sakinah Kamaluddin dan anak, Afifi akan menjual kepada penggemar makanan ini dengan harga antara RM5 hingga RM6

kg mengikut saiz," katanya ketika ditemui semalam.

Bagi Mohd Fahmi Amran, 24, dia mampu mendapat sebanyak 25 kg etak sehari selama dua jam mencari bermula selepas waktu asar.

"Etak ini ada sepanjang tahun, tapi dalam jumlah yang sedikit. Tapi pada kali ini, ia begitu banyak. Fenomena etak ini berlaku antara lapan hingga sepuluh tahun sekali, terakhir pada 2015.

"Saya bersama lebih 100 pencari etak hanya berjalan kaki mengautnya dengan menggunakan sejenis alat memandangkan air sungai cetek," katanya ketika ditemui.